

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO IPI 2025

Institut Perubahan Iklim (IPI), Universiti Kebangsaan Malaysia menjemput semua staf dan pelajar UKM untuk menyertai Pertandingan Mencipta Logo Baharu IPI seperti butiran berikut:

 Tempoh Pertandingan: 24 November – 15 Disember 2025

 Hadiah Johan: RM 300 + Sijil Penghargaan

Objektif:

Mendapatkan satu (1) logo yang menggambarkan identiti IPI sebagai pusat penyelidikan utama dalam bidang perubahan iklim dan sains angkasa.

Syarat-syarat Pertandingan:

Penyertaan:

1. Terbuka kepada semua staf & pelajar UKM
2. Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan

Rekabentuk Logo:

1. Rekabentuk mestilah asli dan tidak ditiru/diciplak daripada mana–mana logo lain
2. Dihasilkan dalam saiz A4 (maksimum 210mm x 250mm)
3. Setiap rekabentuk perlu memasukkan teks **INSTITUT PERUBAHAN IKLIM** dan **Institute of Climate Change**
4. Menggunakan hanya 4 warna maksimum (WAJIB ada warna Sky Blue – kod warna 8CBED6)
5. Disertakan penerangan bagi setiap warna dan bentuk yang digunakan
5. Dihasilkan menggunakan perisian Adobe Illustrator (AI)
6. Logo dihantar dalam fail asal (format .ai) & dalam format digital (PNG/PDF)

Pemilihan logo:

1. Hanya satu (1) logo terbaik yang akan dipilih sebagai pemenang
2. Setiap penyertaan akan dinilai oleh juri pertandingan dan keputusan juri adalah **MUKTAMAD**
2. Logo yang terpilih akan menjadi hak milik IPI
3. Pihak penganjur berhak meminda atau mengubah rekabentuk logo yang terpilih untuk kegunaan rasmi IPI

Cara Penyertaan:

1. Rekabentuk logo berserta penerangan logo dihantar ke alamat emel **promosi_ipi@ukm.edu.my** menggunakan emel rasmi UKM
2. Tajuk emel: Pertandingan Mencipta Logo IPI 2025 – [Nama Peserta]
3. Maklumat peserta dinyatakan di dalam emel iaitu Nama Penuh; Nombor Kad Pengenalan; No.pekerja/matriks; dan No.Telefon.

Maklumat lanjut:

 <https://www.ukm.my/ipi/>

 promosi_ipi@ukm.edu.my